
Penggunaan ChatGPT Dan Hubungannya Dengan Pembelajaran Kendiri Serta Integriti Akademik Dalam Kalangan Pelajar Kolej Komuniti Arau

Nur Elyani binti Mohammad¹, Sofiah binti Bakar², Ainun Rafieza binti Ahmad Tajuddin³

^{1, 2, 3} Unit Teknologi Maklumat, Kolej Komuniti Arau, Arau, Perlis, Malaysia

E-mel : nurelyani@staf.kkarau.edu.my, sofiah@staf.kkarau.edu.my, ainunrafieza@staf.kkarau.edu.my

Abstrak

Kajian ini dijalankan bagi meneroka hubungan antara penggunaan ChatGPT dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Arau dengan tahap pembelajaran kendiri serta persepsi terhadap integriti akademik dalam konteks penggunaan teknologi kecerdasan buatan generatif dalam pendidikan tinggi. Perkembangan teknologi kecerdasan buatan generatif pada masa kini telah mempengaruhi cara pelajar memperoleh maklumat dan menyelesaikan tugas akademik melalui bantuan digital yang lebih interaktif. Walau bagaimanapun, penggunaan teknologi ini turut menimbulkan kebimbangan berkaitan aspek etika akademik sekiranya ia digunakan tanpa panduan yang jelas. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui reka bentuk tinjauan dengan pengumpulan data menggunakan soal selidik berstruktur yang melibatkan 150 orang pelajar daripada lima program pengajian di Kolej Komuniti Arau. Data kajian menilai tiga (3) konstruk utama iaitu tahap penggunaan ChatGPT, pembelajaran kendiri dan integriti akademik. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan statistik deskriptif, ujian-t sampel bebas serta analisis korelasi Pearson bagi mengenal pasti hubungan antara pemboleh ubah yang dikaji. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap penggunaan ChatGPT berada pada tahap sederhana tinggi dengan nilai min 3.62, manakala persepsi terhadap integriti akademik juga berada pada tahap sederhana dengan nilai min 3.21. Analisis ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam persepsi integriti akademik antara pelajar yang menggunakan ChatGPT pada tahap tinggi dan rendah. Selain itu, pelajar dengan tahap penggunaan ChatGPT yang lebih tinggi turut menunjukkan tahap pembelajaran kendiri yang lebih baik. Analisis korelasi Pearson turut menunjukkan wujud hubungan positif yang signifikan antara penggunaan ChatGPT dan pembelajaran kendiri ($r = 0.415$), serta hubungan negatif yang signifikan antara penggunaan ChatGPT dan integriti akademik ($r = -0.298$). Dapatan ini menunjukkan bahawa penggunaan teknologi AI generatif dalam pendidikan perlu diimbangi dengan pendekatan pedagogi dan garis panduan etika akademik yang jelas. Secara keseluruhannya, dapatan kajian mencadangkan bahawa penggunaan ChatGPT berpotensi menyokong pembelajaran kendiri pelajar, namun penggunaannya perlu disertai dengan garis panduan etika akademik yang jelas bagi memastikan integriti akademik dapat dipelihara.

Kata kunci - ChatGPT, Integriti akademik, Kecerdasan buatan generatif, Kolej Komuniti, Pembelajaran kendiri

Abstract

This study was conducted to explore the relationship between the use of ChatGPT among students at Kolej Komuniti Arau and their level of self-directed learning as well as their perception of academic integrity within the context of generative artificial intelligence technology in higher education. The rapid development of generative artificial intelligence has influenced the way students obtain information and complete academic tasks through more interactive digital assistance. However, the use of this technology also raises concerns regarding academic ethics if it is applied without clear guidelines. This study adopted a quantitative approach using a survey research design, with data collected through a structured questionnaire involving 150 students from five academic programmes at Kolej Komuniti Arau. The study examined three main constructs, namely the level of ChatGPT usage, self-directed learning, and academic integrity. The collected data were analysed using descriptive statistics, an independent samples t-test, and Pearson correlation analysis to determine the relationships among the variables studied. The findings indicate that the level of ChatGPT usage among students is moderately high, with a mean value of 3.62, while the perception of academic integrity is at a moderate level with a mean value of 3.21. The results of the t-test analysis show a significant difference in academic integrity perception between

students with high and low levels of ChatGPT usage. In addition, students who reported higher levels of ChatGPT usage also demonstrated a higher level of self-directed learning. Pearson correlation analysis further reveals a significant positive relationship between ChatGPT usage and self-directed learning ($r = 0.415$), as well as a significant negative relationship between ChatGPT usage and academic integrity ($r = -0.298$). These findings indicate that the use of generative artificial intelligence in education needs to be balanced with appropriate pedagogical approaches and clear academic ethical guidelines. Overall, the results suggest that the use of ChatGPT has the potential to support students' self-directed learning; however, its use should be accompanied by clear academic ethical guidelines to ensure that academic integrity is maintained.

Keywords - *Academic integrity, ChatGPT, Community College, Generative artificial intelligence, Self-directed learning*
